



**TEKS UCAPAN  
YBRS.TUAN SHAMSUL SHAHRIL BADLIZA BIN  
MOHD NOOR S.M.S, A.M.S  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI  
MESYUARAT MAJLIS MPS BIL. 4/2020**

**24 JUN 2020, RABU**

**09:00 PAGI DI BILIK SIANTAN**

Assalamualaikum wbkt & selamat pagi diucapkan

**Yang Berbahagia Dato' Juhari Bin Ahmad**  
Timbalan Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Selayang

**Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja  
Dato' Hj Wan Mahmood Pa' Wan Teh**  
Orang Kaya Maha Bijaya, Orang Besar Daerah  
Gombak

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan,

Pihak media, tuan-tuan dan puan-puan sekalian

1. Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT yang telah melimpahkan rahmat dan hidayahnya untuk kita mengadakan mesyuarat majlis MPS **Bil.4/2020 bagi bulan Jun** pada pagi yang berbahagia ini.

**YAD TAN SRI, DATO, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,**

### **PRESTASI SEMASA KUTIPAN CUKAI TAKSIRAN**

2. Untuk makluman, sehingga 30 Mei 2020, MPS berjaya mengutip cukai taksiran semasa 2020 sebanyak RM 42 juta (79.30%) daripada RM 53 juta.
3. Untuk kutipan tunggakan cukai taksiran pula, sebanyak sebanyak RM 2.44 juta (35.21%) berjaya dikutip daripada jumlah tunggakan keseluruhan sebanyak RM 6.94 juta.
4. MPS telah mengeluarkan waran tahanan bagi pemilik yang mempunyai tunggakan RM200.00 ke atas bermula 18 Mei 2020. Sebanyak 7,602 keping waran telah

diproses. Proses penghantaran waran akan dilakukan bermula pada 1 Jun 2020.

5. Bagi pemilik / penduduk yang masih gagal menjelaskan tunggakan cukai taksiran selepas 7 hari waran diserahkan, MPS akan melaksanakan tindakan sitaan apa jua harta alih di dalam premis tersebut dan operasi ini akan dijalankan setiap minggu.
6. Di dalam operasi ini, MPS akan menyita harta alih di dalam premis yang menyamai jumlah tunggakan cukai taksiran MPS akan mengambil tindakan melelong premis tersebut bagi menjelaskan tunggakan cukai taksiran selaras dengan seksyen 151 Akta Kerajaan Tempatan 1976.
7. Orang ramai adalah diingatkan supaya menjelaskan tunggakan cukai taksiran bagi mengelakkan tindakan sitaan dan lelongan diambil ke atas harta alih dan premis masing-masing.

8. Kepada pemilik yang ingin menjelaskan tunggakan cukai taksiran, pemilik boleh datang ke kaunter bayaran cukai taksiran MPS.
  
9. Untuk makluman semua, MPS kini sedang dalam proses menukar penghantaran bil kertas kepada bil digital mulai tahun 2021 melalui sistem sms. Oleh itu, semua pemegang bil akaun masing-masing perlu mengemaskini maklumat terkini sebelum 31 Oktober 2020 untuk memastikan bil cukai taksiran diterima.

**YAD TAN SRI, DATO, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,**

**PENGURANGAN  
KESELURUHAN**

**BAJET**

**KEWANGAN**

10. Seperti yang telah saya sebutkan di dalam Mesyuarat Kewangan yang lepas, pengurangan bajet kewangan keseluruhan sebanyak 30% dari baki peruntukan bagi perbelanjaan mengurus dan 50% dari baki peruntukan bagi perbelanjaan pembangunan akan dilaksanakan ke atas semua jabatan akibat daripada wabak Covid-

19 yang memberi kesan kepada kekurangan hasil MPS.

11. Jadi, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengingatkan kepada semua agar membuat perbelanjaan secara berhemah dan mengkaji semula unjuran perbelanjaan dan pendapatan bagi tahun 2020 ini.
12. Untuk makluman juga, MPS sedang dalam proses merangka dan menyediakan belanjawan 2021. Oleh itu, saya berharap semua pengarah jabatan telah menyediakan dan merangka belanjawan bagi jabatan masing-masing mengikut format Belanjawan ZBB berpandukan dasar dan strategi belanjawan tahun 2021.

## **STATUS KEAHLIAN MESYUARAT BAGI AHLI MAJLIS YANG MEMANGKU TUGAS ZON ANGKAT**

13. Seperti semua sedia maklum, lima kekosongan jawatan Ahli Majlis MPS telah dipangku oleh ahli majlis yang telah sedia dilantik kecuali bagi zon 18. Oleh yang demikian, ingin saya maklumkan disini, ahli majlis yang memangku tugas sebagai ahli majlis angkat, berhak untuk memasuki dan menjadi ahli mesyuarat jawatankuasa mewakili ahli majlis zon angkat. Bagaimanapun, ketetapan adalah tertakluk kepada perintah tetap mesyuarat yang sedia ada.

## **TAKLIMAT PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PEMBUKAAN PASAR TERBUKA / PASAR PAGI, PASAR MALAM DAN BAZARIA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP) TAHUN 2020**

14. Pada 18 Jun 2020, MPS telah mengadakan satu Taklimat Prosedur Operasi Standard (SOP) kepada 46 orang pengelola pasar di Dewan Keraian. Taklimat ini diadakan bertujuan untuk memastikan semua pengelola pasar pagi, pasar malam dan bazaria bersedia dan

mengambil maklum dengan SOP dan garis panduan sebelum memulakan operasi. Jadi, saya berharap semua pengelola pasar bagi setiap zon dapat mengatur sebaik mungkin sistem penggiliran yang telah digariskan serta memastikan jumlah peniaga di setiap pasar adalah berdasarkan pelan lokasi dan perlulah sentiasa memastikan kebersihan dijaga. MPS juga akan melakukan pemantauan dan penguatkuasaan dari masa ke semasa di semua lokasi pasar yang terlibat.

## **PROGRAM KUTIPAN CAJ BEG PLASTIK DI NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN 2020**

15. Satu Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) SPBT telah dikeluarkan berhubung pemakaian garis panduan pentadbiran Program Kutipan Caj Beg Plastik di Negeri Selangor. Caj kutipan beg plastik yang dikenakan oleh premis-premis perniagaan yang terlibat akan diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT). 60% daripada jumlah kutipan akan disalurkan kepada Akaun Tabung Amanah Kerajaan

Negeri Selangor dan 40% ke akaun tabung amanah yang ditetapkan oleh PBT untuk kegunaan program-program berkaitan alam sekitar.

16. Jadi, MPS telah memaklumkan perkara ini kepada semua premis yang terlibat dan alhamdulillah MPS telah menerima maklum balas yang baik di mana sebanyak 124 permohonan telah diterima. Dan pada 30 Jun 2020 ini, MPS akan mengadakan satu Program Penyerahan Sijil Kutipan Beg Plastik kepada beberapa pasar raya besar yang menyertai program ini antaranya, Parkson, Aeon dan Tesco.

**YAD TAN SRI, DATO, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN,**

**PEMAKLUMAN KERJA-KERJA DISENFEKSI NYAHKUMAN DI KAWASAN MPS SECARA MINGGUAN**

17. Suka juga saya kongsikan di sini mengenai kerja-kerja disenfeksi nyahkuman yang telah dijalankan di MPS secara mingguan sepanjang tempoh Perintah

Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Untuk makluman, kerja-kerja semburan disenfeksi ini melibatkan di sekitar kawasan MPS 1 iaitu bangunan baru dan lama serta MPS 2 meliputi semua pejabat cawangan MPS.

18. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua petugas yang menjalankan tanggungjawab ini bagi memastikan MPS bebas dari pandemik Covid-19. Namun begitu, kita tetap perlu sentiasa mengamalkan langkah-langkah penjagaan kebersihan dan keselamatan diri sendiri dengan mengamalkan norma baharu
  
19. Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah  
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh